

Aktiviti 3

Baca dan fahami petikan teks. Kemudian, jawab soalan.

Cara Menjaga Kebersihan Tandas

Tandas yang kotor tidak selesa untuk kita gunakan. Oleh itu kita mestilah bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan tandas. Selepas menggunakan tandas, pengguna tandas haruslah mengepam air supaya tidak berbau busuk. Kita tidak sepatutnya membuang tisu ke dalam mangkuk tandas kerana perbuatan ini akan menyebabkan tandas tersumbat. Tisu-tisu yang digunakan harus dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan. Tabiat menconteng di dinding tandas haruslah dihentikan kerana akan menyebabkan tandas kelihatan kotor.

Pekerja yang bertanggungjawab membersihkan tandas mestilah memastikan tandas bersih sepanjang hari. Poster mengenai kepentingan menjaga kebersihan tandas perlu ditampal di tandas-tandas untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa menjaga kebersihan tandas sangat penting untuk penggunaannya. Ibu bapa juga harus memainkan peranan penting mendidik anak-anak mereka cara-cara menjaga tandas awam daripada kecil lagi.

Kesimpulannya, kita mestilah bekerjasama dalam menjaga kebersihan tandas awam kerana amalan ini akan bermanfaat kepada semua orang. Menjaga kebersihan tandas awam adalah tanggungjawab bersama.

Jawab soalan.

1. Siapakah yang bertanggung jawab menjaga kebersihan tandas?
2. Apakah yang harus dilakukan selepas menggunakan tandas?
3. Apakah akan terjadi jika kita membuang tisu kedalam mangkuk tandas?
4. Mengapakah tabiat menconteng di dinding tandas perlu dihentikan?
5. Apakah peranan ibu bapa dalam menjaga kebersihan tandas awam?